

20 pelajar terima biasiswa Kolej IEWM

KEPALA BATAS 5 Feb. - Seramai 20 pelajar dalam kawasan parlimen ini terpilih menerima geran biasiswa untuk melanjutkan pengajian mereka di Kolej IEWM.

Ahli Parlimen Kepala Batas, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata, melalui geran berkenaan, kumpulan itu akan mengikuti pengajian diploma dalam pelbagai bidang selama dua tahun setengah.

Menurutnya, kolej berkenaan yang mempunyai kekuatan dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi juga akan memantau perkembangan kumpulan pelajar itu.

"Kolej ini telah bekerjasama rapat dengan Kementerian Luar sebelum ini dengan menawarkan program pengajian jangka

pendek kepada pelajar negara-negara membangun di Afrika.

"Saya yakin usaha ini akan menjadi platform terbaik kepada kumpulan pelajar yang menerima geran biasiswa pada hari ini untuk mencapai cita-cita mereka," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Luar berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan sumbangan peralatan sekolah dan penyerahan geran biasiswa berkenaan di sini hari ini.

Program anjuran, bersama Yayasan Pendidikan dan Kebajikan Pelajar Malaysia (YPKPM) dengan Pusat Khidmat Ahli Parlimen Kepala Batas itu turut memberi bantuan peralatan persekolahan kepada 100 murid dari 11 buah sekolah di kawasan

berkenaan.

Yang turut hadir, Presiden YPKPM, Datuk Dr. Saharuddin Awang Yahya dan Ketua Pegawai Eksekutif Kolej IEWM, Dr. Mohd. Syazwan Abdullah.

Antara sekolah terlibat termasuk Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Mertajam; SK Bumbung Lima; SK Permatang Sintok dan SK Bertam Perdana.

Sementara itu, Reezal Merican berharap kumpulan pelajar yang menerima biasiswa berkenaan akan menggunakan peluang tersebut sebaiknya.

"Mereka akan mengikuti program pengajian yang memenuhi kehendak pasaran pekerjaan dan ini akan membantu mereka mendapatkan pekerjaan selepas tamat belajar kelak," katanya.



REEZAL MERICAN NAINA MERICAN menyampaikan bantuan kepada murid dalam Majlis Penyampaian Sumbangan Peralatan Sekolah YPKPM di Kepala Batas, Pulau Pinang, semalam.